

BERITA HARIAN

DATE: 19/10/2008

Masyarakat dunia diminta hayati ajaran agama elak sengketa: Dr M

PUTRAJAYA: Masyarakat dunia harus kembali berpegang kepada kepercayaan agama sebenar untuk menyelesaikan permasalahan yang dihadapi sekarang, khususnya peperangan, kata bekas Perdana Menteri, Dr Mahathir Mohamad.

Berucap pada Persidangan Kepimpinan Antarabangsa anjuran Global Peace Festival di sini semalam, Dr Mahathir berkata, pada masa ini masyarakat dunia bermusuhan kerana agama sedangkan agama menganjurkan perdamaian.

"Tidak ada agama menyuruh penganutnya berbuat jahat, berperang dan membunuh antara satu sama lain... Justeru, kita perlu kembali kepada

di mana kita bermula dan ini perlu disandar kepada kepercayaan agama," katanya.

Bagaimanapun, Dr Mahathir menegaskan kepercayaan agama itu perlu diamalkan dengan bijak kerana salah faham dan perbezaan pendapat berhubung soal agama boleh membawa kepada pelbagai konflik.

"Kita sudah melihat di banyak negara, perbezaan fahaman sering kali membawa perbalahan dan mereka saling berbunuhan hanya kerana ideologi yang berbeza," katanya.

Menyentuh kepincangan dunia Islam sekarang, Dr Mahathir berkata, umat Islam perlu kembali menghayati ajaran sebenar agama kerana perbezaan tafsiran menye-

babkan mereka bermusuhan, malah berbunuhan.

Menyentuh krisis kewangan global sekarang, Dr Mahathir berkata, ia berpunca akibat sifat tamak sebilangan mereka dalam sektor kewangan dengan mempergunakan sistem kewangan antarabangsa.

Ditanya pendapat beliau penyelesaian terbaik kepada krisis kewangan itu, Dr Mahathir berkata, masyarakat antarabangsa perlu mengetahui punca sebenar permasalahan itu.

"Kita perlu lihat ke akar umbi apa masalahnya, selepas itu baru kita ada idea bagaimana untuk menanganinya. Saya tak boleh katakan lakukan ini dan ia akan menyelesaikannya," katanya.